

Mohamad Khir MB Selangor

BH 19 AUG 2000

Oleh Kadir Dikoh, Zulkofli Jamaluddin, Minarni Mat Saad dan Fazalah Pit

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Sungai Panjang, Dr Mohamad Khir Toyo, 35, dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baru, menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar yang meletakkan jawatan itu pada 9 Ogos lalu.

Pelantikan yang di luar dugaan semua itu diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu kenyataan tiga perenggan, yang dibacakan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob pada sidang akhbar di Angkasapuri di sini, petang ini.

Malah, ketika dihubungi di rumahnya di Taman Ria Jaya, Sekinchan, malam ini, Dr Mohamad Khir terkejut dengan pelantikannya itu tetapi berjanji meneruskan program pembangunan Selangor sambil mengharapkan kerjasama semua pihak.

Dr Mohamad Khir tidak pun tersenarai dalam 11 nama yang dikemukakan oleh Badan Perhubungan Umno Selangor kepada Dr Mahathir sebelum ini.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata pelantikan Dr Mohamad Khir sudah dimaklum dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah serta Pemangku Sultan Selaneor.

Dr Mahathir menghadap Seri Paduka di Istana Selangor di sini, selama kira-kira sejam sehingga jam 6 petang ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, turut mengumumkan pelantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor yang baru, manakala Dr Mohamad Khir selaku timbalannya.

Tarikh mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar itu belum ditetapkan dan akan diuruskan oleh pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pejabat Pemangku Sultan Selangor.

Pelantikan Dr Mohamad Khir mengulangi sejarah pelantikan Muhammad sebagai Menteri Besar pada 1986, iaitu sebagai muka baru yang tidak begitu dikenali.

Dr Mohamad Khir juga mencipta sejarah sebagai Menteri Besar paling muda di Selangor. Beliau juga bukan seorang anggota Majlis Mesyuarat kerajaan

negeri (Exco).

Pelantikan Dr Mohamad Khir mengakhiri teka-teki mengenai spekulasi jawatan Menteri Besar Selangor sejak Abu Hassan meletakkan jawatan secara mengejut atas alasan masalah kesihatan pada 9 Ogos lalu.

Dr Mohamad Khir berkata, beliau akur dengan pelantikan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan berharap semua pihak terutama di kalangan ahli Umno Selangor juga akur dengan memberi kerjasama, bersatu padu bagi mengukuhkan parti.

"Saya juga akan berbincang dengan rakan-rakan dan Umno Selangor bagi mendapat maklum balas," katanya.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Dr Mohamad Khir berkata, pelantikannya itu hanya diketahui melalui media.

Biodata Dr Mohamad Khir Toyo

Tarikh dan tempat Lahir: 6 Ogos 1965, Sekinchan.

Pendidikan: Sekolah Kebangsaan Berjaya, Sekinchan (1983-79), Sekolah Menengah Dato Harun, Tanjung Karang (1979-86), Sekolah Menengah Sg Besar, Fakulti Pergigian Universiti Malaya (1986-89)
Kerjaya: Pegawai Pergigian (1989-91), Klinik Pergi-

gian (1991 hingga sekarang)

Politik: Ketua Umno Cawangan (1991-93), AJK Pemuda Umno Bahagian Tanjung Karang 1993-96), Ketua Pemuda Umno Bahagian (1996-99), Exco Pemuda Umno Malaysia (2000-2003)

Keluarga: Isteri, Zaharah Kecik dan dua anak, Mohd Farizul Faiz, 9, Nurul Asyikin, setahun.

"Saya terkejut. Setakat ini (jam 7 malam) saya belum menerima apa-apa pengumuman rasmi daripada Perdana Menteri atau Umno Selangor. Saya hanya tahu melalui anda (media)," katanya.

Beliau berkata, sebagai orang paling muda dilantik menjadi Adun di Selangor selepas memenangi pilihan raya umum tahun lalu, beliau tidak menyangka sama sekali memenuhi kriteria yang dikehendaki Perdana Menteri.

Katanya, pelantikan itu adalah pengiktirafan kepada golongan pemuda dan berharap ia akan menjadi satu gerakan kepada warga muda di Selangor dan seluruh negara untuk bersama-sama membawa kecemerlangan dan kegemilangan.

Dr Mohamad Khir yang masih meneruskan kerjayanya sebagai doktor gigi di sebuah klinik swasta, berkata beliau menerima pelantikan itu dengan penuh tanggungjawab dan ber-

janji untuk melaksanakan tugas itu dengan penuh komited.

"Bagi saya, apa yang penting adalah untuk bekerja dengan penuh komited dan bertanggungjawab bagi meneruskan agenda pembangunan negeri Selangor yang sudah dirancang, khusus untuk mencapai wawasan Negeri Maju menjelang 2005," katanya.

LIHAT MUKA 2

Mohamad Khir janji terus majukan Selangor

BH 19 AUG 2000
DARI MUKA 1

Beliau berkata, agenda utama kepemimpinan negeri sekarang adalah untuk membangunkan Selangor sebagai sebuah negeri yang baik dan maju seterusnya bergerak bersama-sama negara menuju Wawasan 2020.

Bagaimanapun, menurutnya, matlamat itu hanya dapat dicapai sepenuhnya jika seluruh rakyat bersatu-padu tanpa mengira bangsa, agama dan pendapat politik untuk membangunkan negeri serta negara tercinta.

"Saya akan berusaha menyatu-padukan rakyat selangor serta menggerakkan kepemimpinan negeri dan rakyat untuk berusaha gigih dalam semua bidang dan mencapai apa juga perkara yang dihajati seterusnya bersyukur dengan apa yang dilakukan dan dicapai," katanya.

Terdahulu, Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno paa sidang akhbar-nya berkata, pelantikan muka baru yang berupanya memimpin negeri bukanlah amalan baru dalam Barisan Nasional (BN).

"Saya yakin pemimpin BN negeri akan memberi sepenuh kepercayaan kepada Dr Mohamad Khir untuk memimpin negeri," katanva.

Sementara itu di **SEKINCHAN**, Semua ahli keluarga Dr Mohamad Khir Toyo yang bangga dengan pelantikan beliau sebagai Menteri Besar Selangor baru berharap orang ramai memberi sokongan kepada beliau untuk menerajui negeri itu.

Isteri beliau, Zahrah Kechik, 35, seorang jururawat terlatih dari Hospital Universiti, berkata beliau menerima panggilan daripada rakan-rakan sejak 6.30 petang mengucapkan tahniah atas pelantikan suaminya sebagai Menteri Besar.

Beliau bagaimanapun, kurang yakin dengan khabar itu dan hanya mempercayai perkara itu selepas siaran berita jam lapan malam ini yang mengumumkan pelantikan berkenaan.

Zahrah, anak keenam daripada tujuh beradik, berasal dari Kampung larut Matang, Taiping.

Beliau berkhidmat di Hospital Universiti lebih 12 tahun sebelum menamatkan perkhidmatan pada 1997 bagi membantu suaminya di Klinik Pergigian Khir di Kajang.

Bapa Dr Mohamad Khir, Toyo @ Joyo Erodikromo, 90, gembira dengan pelantikan anaknya dan berharap beliau dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik.

"Ini amanah rakyat... oleh itu, saya berharap beliau dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik," katanya.